

Timbalan pengarah kena tahan kes seleweng duit raya

Kuala Lumpur: Seorang timbalan pengarah operasi jabatan kerajaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) semalam, dipercayai terbabit dalam pembahagian duit Hari Raya RM22,500.

Pegawai berusia 52 tahun itu ditahan selepas dipanggil untuk beri keterangan di Pejabat SPRM Kedah, pada jam 11.45 pagi.

BH difahamkan, peruntukan wang sepatutnya disalurkan kepada pegawai jabatan tetapi ia tidak dilakukan dengan telus dan ada yang langsung tidak menerima wang berkenaan.

“Suspek dipercayai menyalah guna kuasa dengan menyeleweng peruntukan duit raya untuk diagihkan kepada pegawai kumpulan pengurusan dan profesional sebanyak RM500 seorang.

“Tetapi ia tidak diagihkan kepada penerima yang layak,” kata sumber.

Difahamkan, SPRM membuka siasatan dan suspek dipanggil sebelum ditahan untuk tindakan selanjutnya.

“Suspek ditahan hari ini (semalam) tetapi dilepaskan dengan jaminan SPRM,” katanya.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap mengesahkan penahanan itu, namun enggan mengulas lanjut.



**Suspek ditahan
hari ini**

**(semalam) tetapi
dilepaskan dengan
jaminan SPRM.**

Sumber